

# Bahana kalau terlebih seronok

Jika tidak ditangani secara berhemah ia boleh menyebabkan penentangan, perpecahan dan paling merbahaya merosakkan akidah



## Bimbingan

**M**UTAKHIR, penularan budaya Hedonisme, yang mementingkan keseronokan atau kesenangan sebagai pegangan hidup, dikenalpasti antara punca ramai remaja kian rapuh semangat jati diri dan pegangan agama di negara ini.

Pensyarah Kanan Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Kamariah Kamarudin, baru-baru ini telah merungkai isu hedonisme dan kesannya.

Menurutnya, hedonisme ialah satu aliran pemikiran yang beranggapan bahawa kenikmatan dan kesenangan menjadi matlamat utama kehidupan bagi seseorang.

Perkataan hedonisme itu telah mula dipakai sejak zaman Yunani iaitu zaman yang melahirkan ramai tokoh falsafah terkemuka seperti Socrates.

Hari ini di Malaysia, kesenangan dan kenikmatan dalam kalangan remaja adalah antara yang patut dipersalahkan berlakunya hedonisme.

Dr. Kamariah berkata, jika diteliti hedonisme adalah satu daripada cabang fahaman sekularisme yang menggariskan keseronokan sebagai tunjang utama kehidupan.

Keseronokan ini diputuskan sendiri oleh akal manusia. Hal ini sedikit sebanyak bertepatan dengan matlamat sekularisme yang mahu memastikan manusia bebas daripada unsur ketuhanan.

Menurut beliau lagi, satu daripada keburukan dan bahayanya hedonisme ialah ia boleh menyebabkan penentangan dan perpecahan antara satu sama lain.

"Contohnya seorang individu menganggap membunuh adalah perkara

**Hedonisme ialah satu aliran pemikiran yang beranggapan bahawa kenikmatan dan kesenangan menjadi matlamat utama kehidupan bagi seseorang**

yang menyeronokkan manakala individu lain menganggap ia sesuatu perkara yang menakutkan, katanya.

Bagaimanapun generasi muda di Malaysia telah didedahkan kepada doktrin hedonisme secara tidak disedari.

Dr. Kamariah menjelaskan bahawa Islam menentang pemikiran-pemikiran yang cuba mengganggu umat Islam. Sekiranya pemikiran-pemikiran ini tidak dikawal, ia mampu merosakkan akidah umat Islam.

"Hedonisme mementingkan kebebasan fikiran sedangkan akidah Islam meletakkan al-Quran dan Sunah sebagai paksi pemikiran," jelasnya.

Selain itu, dalam pengertian 'kebaikan' terhadap individu, pandangan Islam amat bertentangan dengan konsep 'kebaikan' dalam Hedonisme.

"Islam melihat konsep 'kebaikan' adalah melibatkan pembangunan ummah yang memberi fokus kepada aspek ketuhanan atau kerohanian agar manusia bukan sahaja mendapat 'kebaikan' di dunia tetapi juga 'kebaikan' di akhirat. Manakala 'kebaikan' yang dibawa hedonisme adalah apa-apa yang berbentuk keseronokan," tambahnya.

Setiap penyakit pasti ada ubatnya melainkan sakit tua dan mati. Bezanya masa yang diambil untuk menyembuhkan sesuatu penyakit akan mengambil masa yang lama.

Oleh itu, beliau berkata, perlunya penyaringan pembacaan yang baik untuk dihadam oleh anak muda dan menjadikan 'budaya membaca sebagai budaya menyeronokkan'.

"Lantaran kerana mudah tergoda dan terpengaruh dengan anasir luar, maka pemikiran anak muda yang dijajah perlu diberikan pertumbuhan pembacaan sejak kecil.

"Perlu bangunkan diri anak dengan bahan bacaan yang bercorak agama, falsafah dan sejarah selain karya kreatif yang menampilkan isu-isu besar dan berguna agar pemikiran mereka lebih kritis, kreatif dan inovatif," katanya.

Dr. Kamariah berkata, penguasaan ilmu dalam pelbagai bidang amat dituntut agar anak memiliki jiwa besar, berdaya saing dan berkeyakinan dalam apa jua cabaran.

"Tumpuan kepada peperiksaan sahaja perlu ditukar kepada yang berorientasi ilmu agar ilmu yang diperolehi sama ada di sekolah atau universiti dapat dimanfaatkan dengan baik dalam kehidupan.

"Pendidikan memainkan peranan utama, iaitu dengan menyuakan anak sejak dari kecil agar cintakan nusa, agama dan bangsa secara utuh. Dengan ini mereka akan berjiwa besar dan berusaha untuk menjaga nama baik keluarga," katanya.

Pendedahan kepada tokoh-tokoh falsafah Islam dan penceritaan tentang sirah Nabawi perlu dipasak dalam diri anak.

Andai berkemampuan, bagi Dr. Kamariah, membawa anak ke Tanah Suci untuk ibadah umrah atau melancong ke negara-negara peninggalan tamadun Islam seperti Sepanyol, Turki dan sebagainya agar mengambil iktibar kisah, semangat, kehebatan dan kegemilangan Islam.

"Jadikan Rasulullah SAW sebagai *qudwah hasanah* (contoh teladan) dalam mengharung cabaran kehidupan. Malah jadikan al-Quran dan Sunah sebagai inspirasi dan motivasi untuk mentarbiah anak dalam kehidupan," kata beliau.

**JIKA budaya hedonisme dibiarkan berleluasa, ia bakal merosakkan generasi masa hadapan.** - Gambar hiasan





**MENCEGAH itu lebih baik daripada mengubati.** - Gambar hiasan

# Pengawasan ibu bapa penting

PENSYARAH Kanan Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Kamariah Kamarudin berkata, ibu dan bapa perlu mengawasi anak daripada terjebak dengan perkara yang tidak baik.

“Sentiasa bermusyawarah dengan anak secara tekal dan konsisten, jadikan anak sebagai ‘sahabat’ dengan mengetahui semua aktiviti dan pergerakan mereka agar mereka tidak terpesong arah dan tujuan hidup,” katanya.

Gaya hidup berkeluarga secara sihat dengan melancong atau beriadah ke destinasi pulau yang indah dalam negara dengan mesej mencintai alam sekitar perlu dijadikan amalan setiap keluarga.

Selain itu, beliau menambah, menyemai jiwa dengan mempertahankan warisan dan khazanah bangsa adalah inisiatif yang perlu ditanam dalam jiwa anak muda agar mereka mencintai agama, bangsa dan negara.

Dr. Kamariah berharap sistem pendidikan menitikberatkan falsafah pendidikan yang bertunjangkan Islam sebagai pegangan dan budaya bangsa sebagai simbol pelaksanaan.

Justeru, budaya ‘suap’ perlu dihentikan di sekolah atau universiti, sebaliknya menyemai sifat *mahmudah*.

“Berintegriti, amanah, jujur, ikhlas dan sebagainya dipupuk sepanjang masa kepada anak muda, khususnya di peringkat sekolah rendah agar sifat-sifat mulia dan luhur dapat dipasak dalam diri sehingga dewasa,” tegas beliau.

- **BERNAMA**